

1976

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) -- NEGARA MEMERLUKAN PERKHIDMATAN DAN PENGALAMAN PARA PENSYARAH MEMANDANGKAN KEKURANGAN KAKITANGAN AKADEMIK DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI TANAH AIR, KATA DR MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM KEADAAN KEKURANGAN INI SERING TERDAPAT MEREKA YANG MELETAKKAN JAWATAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN SEKTOR SWASTA. KEADAAN INI, WALAUPUN BELUM SAMPAI KE PERINGKAT YANG TIDAK TERKAWAL TAPI TIDAK SEHARUSNYA MELUAS.

BELIAU MENYATAKAN, KERAJAAN SEDAR PENDAPATAN DI SEKTOR SWASTA LEBIH LUMAYAN TETAPI PARA PENSYARAH PERLU MENUNJUKKAN SEMANGA DEDIKASI DAN SEDIA BERKORBAN DEMI KEBAIKAN JENERASI AKAN DATANG.

BERUCAP DI MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA UNIVERSITI TEKNOLOJI MALAYSIA (UTM) DI SINI, BELIAU MENGINGATKAN TANPA SIKAP TANGGUNG-JAWAB OLEH PENSYARAH-PENSYARAH DI MASA LALU, PARA KAKITANGAN AKADEMIK SEKARANG MUNGKIN TIDAK MENCAPAI TARAF DI PERINGKAT SEKARANG +OLEH ITU MEREKA JUGA HENDAKLAH MENOLONG ORANG LAIN SEPERTI MEREK SENDIRI TELAH DITOLONG DULUNYA,+ KATANYA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN SELANJUTNYA MENYERU 2/39  
SISWAZAH-SISWAZAH UTM BERLUMB-LUMBA MENAMBAHKAN ILMU DAN PENGALAMAN SUPAYA TIDAK MENJADI GOLONGAN STATIK ATAU BEKU.

BELIAU JUGA MENYERU MEREKA BERGERAK CERGAS DALAM MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MASA DEPAN SEMASA BERKHIDMAT DENGAN MASHARAKAT.-BERSAMBUNG 1530/MM

25

B553

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI SELANJUTNYA MENGGESA PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI MENEKANKAN PERI MUSTAHAKNYA PENDIDIKAN AKHLAK DAN PENGAJIAN UGAMA KEPADA PELAJAR-PELAJAR.

KATANYA, INI BOLEH MENJADI FAKTOR MENENTANG FAHAMAN-FAHAMAN YANG DAPAT MEMUSNAHKAN MASYARAKAT DAN NEGARA.-BERNAMA 1535/MM

B577

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNG BERITA 553)

SEBELUM ITU, DR. MAHATHIR MENYAMPAIKAN DIPLOMA KEPADA 402 PARA LULUSAN TERMASUK 19 ORANG YANG LULUS DENGAN PANGKAT PERTAMA.

DIPLOMA-DIPLOMA TERSEBUT ADALAH DALAM JURUSAN ALAMBINA, KEJURUTERAAN AWAM, KEJURUTERAAN JENTERA, KEJURUTERAAN LETRIK, SAINS SERTA PENDIDIKAN DAN UKUR.

PENGERUSI MAJLIS SEMENTARA UTM, TAN SRI AZIZ YEOP DALAM UCAPANNYA MENYERU KERAJAAN MENUKARKAN NAMA JAWATAN PEMBANTU TEKNIK KEPADA PEGAWAI TEKNIK UNTUK MENGELAKKAN KEKELIRUAN ORANG RAMAI TENTANG JAWATAN JURUTEKNIK DENGAN PEMBANTU TEKNIK.

BELIAU PERCAYA PENUKARAN ITU TIDAK AKAN MENIMBULKAN KESULITAN CUMA UNTUK DISERAGAMKAN DENGAN JAWATAN TANGGAGAJI SAMA SEPERTI PEGAWAI KERJA ATAU PEGAWAI KERJA AKAUN.

BELIAU JUGA BERKATA, PARA LEPASAN UTM TELAH BERJAYA MENDAPAT SANJUNGAN ORANG RAMAI TERMASUK DARI SEKTOR SWASTA DAN MEYERU PARA PELAJAR UNIVERSITI ITU MENGEKALKAN NAMA BAIK TERSEBUT.

NAIB CANCELOR, TAN SRI AINUDDIN WAHID BERKATA UNIVERSITI ITU AKAN MEMPERLUASKAN KURSUS-KURSUS DIPLOMANYA DISAMPING MENG-ANUGERAHKAN IJAZAH MULAI TAHUN DEPAN.

KURSUS DIPLOMA SAINS YANG KHUSSUS DIRANCANGKAN UNTUK MELATIH GURU-GURU DI BIDANG FIZIK, KIMIA DAN ILMU HISAB BAGI SEKOLAH MENENGAH TINGGI AKAN JUGA DIPERKEMBANGKAN SETERUSNYA DITINGKATKAN. KEPERINGKAT IJAZAH.

TAN SRI AINUDDIN SELANJUTNYA MENYERU PARA LULUSAN UTM MENGEM-BELINGKAN TENAGA BELIA DESA TEMPATAN UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN IEMISKINAN DIKALANGAN RAKYAT.--BERSAMBUNG 1800/BY

££

B578

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENARIK PERHATIAN TENTANG RAMAI PELAJAR YANG MENDAPAT KETENANGAN JIWA MELALUI KEGIATAN DAKWAH ISLAM, DAN DAPAT MENGHADAPI PELAJARAN DENGAN SEPENUH MINAT DAN KETEKUNAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU KESAL KEGIATAN DAKWAH PARA PELAJAR DI HEBOH-HEBOHKAN BEGITU HEBAT HINGGA KEGIATAN ITU MENJADI MOMOKAN, SEDANGKAN RAMAI PELAJAR YANG MELAKUKAN MAKSIAT TIDAK PULA DI SEBUT SAMASEKALI.--BERNAMA 1802/BY